

Malaysia kecam tindakan AS

Daripada G. MANIMARAN

CEBU CITY, Filipina 12 Jan. - Malaysia mengkecam tindakan Amerika Syarikat (AS) menyerang Somalia awal minggu ini dan keputusan untuk menghantar anggota tambahan ke Iraq dengan menyifatkannya sebagai pendekatan yang tidak akan menyelesaikan masalah di rantau terbabit.

Sebaliknya, menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, perkembangan tersebut sebenarnya akan memburukkan lagi keadaan dengan menambah kemarahan dan tentangan orang ramai.

Malah Abdullah menyifatkan AS bersikap degil dengan mengambil tindakan-tindakan ketenteraan seumpama itu.

"Peranan mereka terutama dengan pendekatan ketenteraan yang diambil itu sebenarnya salah. Mereka menganggap dengan mengambil tindakan ketenteraan itu penyelesaian akan diperoleh.

"Sebaliknya kesan akan bertambah buruk, orang akan bertambah marah, orang yang menentang pun bertambah ramai.

"Nampaknya Amerika macam buat degil, tak peduli sangat fasal kesan-kesan buruk," kata beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Abdullah berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 dan siri susulan sidang kemuncak yang lain.

Kelmarin, Presiden George W. Bush mengumumkan rancangan untuk menambah askar AS di Iraq, jumlah melebihi 20,000 orang.

Ketika tindakan itu disokong oleh beberapa negara sekutu AS, parti Demokrat membantah dan menggesa agar askar AS diundurkan secara berperingkat dalam tempoh empat hingga enam bulan ini.

Pada Isnin lalu, satu serangan udara tentera AS dilancarkan ke atas sebuah kampung di Somalia dipercayai menjadi tempat persembunyian suspek Al-Qaeda.

Pesawat udara jenis AC-130 melepaskan tembakan ke atas sebuah perkampungan Hayo dekat Djibouti.

Ita merupakan campur tangan AS secara langsung dalam konflik di Somalia.

Abdullah memberitahu, bantahan bukan sahaja berlaku di kalangan rakyat negara

Um - 13/1/2007
Peranan mereka terutama dengan pendekatan ketenteraan yang diambil itu sebenarnya salah. Mereka menganggap dengan mengambil tindakan ketenteraan itu penyelesaian akan diperoleh

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



(Dari kiri) SULTAN Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono; Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo mengucapkan tahniah kepada Menteri Luar masing-masing selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama ASEAN di Cebu, Filipina, semalam.

yang menjadi tindakan ketenteraan, malah penduduk Amerika juga membantah.

"Mereka (Bush) menghantar lebih ramai askar ke Iraq. Apakah dengan itu mereka mengharapkan dapat mengadakan penyelesaian? ... Saya tidak nampak ada penyelesaian.

"Mungkin keganasan akan bertambah lagi," kata beliau sambil menambah bahawa tindakan itu adalah salah.

Tegas beliau, AS seharusnya mengurangkan jumlah askarnya di Iraq, bukan hanya memperluaskan pasukan tentera.

Abdullah menekankan, Malaysia sama

sekali tidak menyokong tindakan menghantar lebih ramai anggota ke Iraq.

"Kita tidak menyokong, kita mengatakan tidak, tapi semua tahu. Dari dulu, kita membantah, tak suka pun, tak boleh bantah," kata beliau lagi.